

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JULY 2016

Tindakan tidak berperlembagaan – Najib

Kutuk cubaan rampasan kuasa

Um - 17/7/2016

■ KUALA LUMPUR 16 JULAI

DATUK Seri Najib Tun Razak menegaskan pendirian Malaysia menentang sebarang percubaan tidak berperlembagaan untuk menggugat kehendak rakyat sebagaimana dilahirkan menerusi peti undi.

Sambil mengutuk percubaan rampasan kuasa tentera di Turki pada Jumaat, Perdana Menteri berkata tindakan sedemikian dalam apa jua bentuk sekalipun tidak harus dibenarkan sama sekali kerana proses demokrasi adalah asas kebebasan, keselamatan dan kemakmuran sesebuah negara.

“Turki dan Malaysia adalah rakan akrab dalam perjuangan menentang terrorisme dan extremismisme.

“Kami adalah rakan dagang dan negara rakan dalam Pertubu-



NAJIB TUN RAZAK

han Kerjasama Islam (OIC).

“Kami tegak bersama menentang percubaan tidak berperlembagaan untuk menggugat kehendak rakyat, sebagaimana dilahirkan menerusi peti undi.

“Rampasan kuasa dalam apa jua bentuk tidak wajar dibenarkan sama sekali,” katanya dalam laman rasmi Facebooknya hari ini.

Najib berharap kestabilan dan ketenteraman wujud kembali di Turki secepat mungkin, dan menyambut baik berita bahawa Presiden Recep Tayyip Erdogan telah mengisytiharkan bahawa percubaan rampasan kuasa itu telah berakhir.

“Adalah amat membimbangkan banyak nyawa terkorban dan ramai cedera. Ingatan dan doa kami bersama rakyat Turki,” kata Najib.

Media antarabangsa melaporkan jumlah kematian dalam percuba-



PEMANDU kenderaan cedera terkena peluru dalam insiden polis berbalas tembak dengan tentera ketika tentera Turki cuba merampas kuasa berdekatan Dataran Taksim, Istanbul, semalam. - AFP

baan rampasan kuasa itu meningkat kepada 90, 1,154 cedera, dan sejumlah 1,563 pegawai tentera telah ditahan dari seluruh Turki.

Menurut Wisma Putra, sejumlah 260 rakyat Malaysia, termasuk 180 pelajar di sana dilaporkan selamat. - BERNAMA